



## Lembaran Pendedahan Produk

# Insurans Liabiliti Produk

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Liabiliti Produk. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

**NOTIS PENTING**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sivil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. Apakah produk ini?

Kami akan menanggung kerugian anda terhadap mana-mana liabiliti yang sah, yang menjadi tanggungjawab anda untuk membayar ganti rugi untuk kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda yang berpunca daripada produk-produk, yang dikilang, dijual atau diagihkan oleh anda. Produk yang rosak mungkin berpunca daripada kerosakan semasa pengilangan, meletakkan label yang tidak betul, arahan-arahan yang salah, amaran-amaran yang tidak memadai atau kerosakan bahan-bahan pembungkusan. Polisi ini biasanya dikeluarkan atas Dasar Tuntutan Dibuat iaitu polisi beroperasi semasa tuntutan dibuat terhadap anda dan polisi ini akan membayar kerugian tersebut dengan syarat bahawa insiden berlaku pada atau selepas tarikh Retroaktif (sekiranya ia dilindungi di bawah polisi ini). Tarikh retroaktif adalah tarikh selepas kerugian mungkin berlaku dan adalah dilindungi di bawah polisi ini.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga
- Kerosakan harta benda kepada pihak ketiga

Yang berpunca daripada pemakaian atau penggunaan produk-produk anda.

- a) Sehingga had liabiliti secara keseluruhan untuk kesemua tuntutan di bawah polisi ini mengikut had liabiliti yang dinyatakan di dalam jadual
- b) Hak dan tugas kami untuk mempertahankan tamat sekiranya kami telah menggunakan kesemua had liabiliti yang dibenarkan di dalam pembayaran penghakiman atau penyelesaian di bawah polisi ini.
- c) Kewajipan kami untuk membayar ganti rugi bagi pihak anda hanya digunapakai untuk jumlah ganti rugi yang melebihi jumlah deduktibel seperti yang dinyatakan di dalam jadual.
- d) Di dalam lingkungan had Wilayah dan Bidang Kuasa yang dinyatakan di dalam polisi

Polisi ini direka untuk menanggung rugi anda sebagai Pengilang/Pembekal/Pengedar produk-produk yang diinsuranskan.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun dengan menghantar borang cadangan yang lengkap untuk pertimbangan pembaharuan.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan pihak kami seperti produk yang akan dilindungi dan anggaran hasil jualan.

Pusing Ganti Tahunan Teranggar : RM \_\_\_\_\_

Kadar Bersesuaian Dikenakan : \_\_\_\_\_ %

Deposit Minimum/Premium Tidak Boleh Diganti yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

Premium akan diselaras berdasarkan Pusing Ganti Tahunan Sebenar dan tertakluk kepada Premium Deposit Minimum.

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Setiap permohonan mestilah dihantar bersama-sama dengan borang cadangan yang lengkap, risalah dan sivil perakuan.
- Anda mestilah memastikan bahawa had liabiliti mencukupi untuk melindungi risiko anda yang terdedah
- Anda mestilah mengisytiharkan perniagaan sebenar anda, produk-produk yang hendak dilindungi, anggaran hasil jualan tahunan dan pengalaman membuat tuntutan untuk produk-produk anda.
- Fasal Penyelarasan Premium - Premium akan diselaras berdasarkan pusing ganti tahunan sebenar semasa berakhirnya tempoh polisi dan ianya tertakluk kepada Premium Deposit Minimum.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak digunapakai untuk:

- Produk-produk kapal terbang
- Asbestos
- Liabiliti Kontraktual
- Kerosakan kepada Harta Benda Yang Rosak atau Harta Benda Yang Tidak Diinsuranskan Secara Fizikal
- Kerosakan kepada harta benda
- Kerosakan kepada Produk anda
- Kecederaan yang dijangka atau disenjagakan
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Liabiliti Produk di atas atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

### NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.